



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Karung Berkunci 1752, Pejabat Pos Durian Tunggal
76109 Durian Tunggal, Melaka
Tel : 06-331 6188 Faks : 06-331 6115
Email : bendahari@utem.edu.my

PEJABAT BENDAHARI

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.02/10.12/3/1 Jld. 2(6)
Rujukan Tuan (Your Ref.) :



16 Jun 2009
92 Jamadiakhir1430

PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 6/2009

Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Ayer Keroh, Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

LARANGAN BAYARAN KEPADA SYARIKAT YANG MENGGUNAKAN AKAUN INDIVIDU

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua PTJ berkaitan larangan bayaran kepada syarikat yang menggunakan akaun individu.

2.0 LATAR BELAKANG

Pejabat Bendahari sejak akhir-akhir ini sering menerima permohonan pembayaran dari PTJ untuk syarikat yang tidak mempunyai akaun bank syarikat. Oleh itu, pembekal dengan sewenang-wenangnya telah memohon supaya bayaran dibuat ke atas individu yang mana individu tersebut adalah:

- | | | |
|-------------------------------|---|---|
| 1) Pemilik tunggal syarikat | } | (seperti yang tertera dalam pendaftaran syarikat) |
| 2) Pemilik secara perkongsian | | |

3.0 PERATURAN

Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13/2008 telah dilaksanakan menerusi Pekeliling Bendahari Bil.2/2009. Selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa berkaitan penjelasan kepada pembayaran yang tidak sepatutnya Para1.5.(6):

“Apa-apa bayaran yang dibuat kepada seseorang (termasuk syarikat-syarikat atau badan-badan lain), yang tidak berhak menerimanya. Misalnya nama orang, syarikat atau badan dalam baucer berlainan daripada nama dalam bil atau invois atau mana-mana penyata tuntutan”.

Peraturan yang berkaitan jelas menunjukkan bahawa pembayaran tidak dibenarkan dibuat pada mana-mana individu/ syarikat selain dari yang tertera seperti di dalam invois/ resit/ baucer.

4.0 PENGECUALIAN

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa pengecualian di mana bayaran dibenarkan dibuat ke atas nama selain yang tertera dalam invois/ baucer adalah seperti berikut:

- 4.1.1 Syarikat yang mempunyai nama yang sama dengan pemilik syarikat tersebut (contoh; nama syarikat adalah **“AHMAD BIN ABU”** dan bayaran adalah atas nama **“Ahmad Bin Abu”**). Bagi kes seperti ini, PTJ perlu mengemukakan salinan pendaftaran syarikat kepada Pejabat Bendahari semasa mengemukakan permohonan pembayaran.
- 4.1.2 Syarikat yang mempunyai francais (contoh; **“ PUTERI RESORT”** tetapi dikendalikan oleh **“PEMBINAAN KESENTOSAAN SDN BHD”**). Oleh itu, bayaran akan di buat atas nama (**PEMBINAAN KESENTOSAAN SDN BHD”**)
- 4.1.3 Nama yang tertera dalam invois adalah berbeza dari arahan bayaran (contoh; nama dalam invois adalah **“Restoran Ali”** tetapi bayaran atas nama **“ALI ENTERPRISE”** kerana syarikat tersebut

telah didaftarkan dengan nama **ALI ENTERPRISE**). Bagi kes seperti ini, PTJ perlu mengemukakan salinan pendaftaran syarikat kepada Pejabat Bendahari semasa mengemukakan permohonan pembayaran.

4.1.4 Pembelian di bawah RM 500.00 yang menggunakan peruntukan panjar wang runcit.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari Jun 2009.

Sekian, terima kasih. *Wassalam*.

Saya yang menurut perintah,



(KHAIRUL BIN TAIB)

Bendahari

Pejabat Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k **Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Bin Husain
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi